



Cukup matang, kelihatan segar, bersih dan bebas dari sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.



Cukup matang, kelihatan segar dan bersih. Terdapat kecacatan yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal.




Buah yang mengalami kecacatan dan rosak.

■ Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan rupa yang teruk.



■ Rosak disebabkan oleh haiwan perasak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjejaskan jangka hayat, pemakanan dan kualiti.



# Siri Panduan KUALITI<sup>2</sup> LIMAU BALI



**LIMAU BALI** yang nama botaninya *Citrus grandis* (L.) OSBECK atau *Citrus maxima* MERR juga dipanggil sebagai Pomelo, Limau Besar, Limau Abung, Limau Tambun atau Limau Betawi. Ia dipercayai berasal dari Asia Tenggara dan banyak ditanam di Indonesia, China dan Thailand. Di Malaysia, Limau Bali banyak ditanam di negeri Perak, Kedah, Melaka, Kelantan, Johor dan Sabah.

Klon Limau Bali yang disyorkan untuk ditanam secara komersial ialah PO51 dan PO52 kerana mempunyai permintaan yang baik disebabkan rasanya yang manis dan berjus. Rupa fizikalnya juga agak cantik dan mempunyai bentuk kulit yang bersih dan sesuai terutamanya untuk upacara keagamaan. Baru-baru ini pula, MARDI telah memperkenalkan klon Melo Mas yang bersaiz lebih kecil tetapi kurang berserabut, manis, kandungan asid yang rendah dan tidak ada rasa pahit selepas dimakan.

### kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisa baki racun perosak dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.

Untuk mencapai tahap kualiti ini, Limau Bali perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian lepas tuai hingga ke peringkat pemasaran. Penuaian perlu dilakukan pada tahap optimum untuk menjamin kualiti rasa dan jangka hayat. Secara umum, buah Limau Bali akan matang 6 bulan selepas bunga kembang. Buah yang matang boleh dikenal dari kulit yang licin berbintik hijau kekuningan atau hijau perang, sementara bulu-bulu yang terdapat pada kulit akan hilang. Buah Limau Bali yang telah dipetik dan disediakan boleh disimpan sementara selama 1-2 minggu pada suhu 7-9°C dengan kadar kelembapan relatif 85-90%.

### indeks kematangan

Tahap kematangan Limau Bali dibahagikan kepada enam (6) Indeks berikut :



**indeks 1**  
Belum matang. Keseluruhan permukaan kulit berwarna hijau tua sepenuhnya. Belum sesuai untuk dituai.



**indeks 2**  
Permulaan matang. Permukaan kulit berwarna hijau muda. Belum sesuai untuk dituai.



**indeks 3**  
Matang. Permukaan kulit berwarna hijau meliputi 85% dan warna kuning 15%. Sesuai dituai untuk penghantaran jauh menggunakan kapal laut.



**indeks 4**  
Permulaan masak. Permukaan kulit berwarna kuning meliputi 60% dan warna hijau 40%. Masih boleh dituai untuk penghantaran jauh melalui udara.



**indeks 5**  
Masak. Permukaan kulit berwarna kuning meliputi 80% dan warna hijau 20%. Hanya sesuai untuk pasaran tempatan.



**indeks 6**  
Terlalu masak. Permukaan kulit berwarna kuning aren 100%. Tidak sesuai dipasarkan.

### pengelasan gred

Limau Bali dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut :

Gred	Spesifikasi	Kelongsaran (Maksimum)
Premium	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤5% Keseragaman saiz ≤5%
1	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤10% Keseragaman saiz ≤10%
2	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤10% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤10% Keseragaman saiz ≤10%

### pengelasan saiz

Bagi Limau Bali, saiz ditentukan oleh berat dan garispusat dalam unit seperti jadual berikut :

Saiz	Kod	Berat (g)	Garispusat (mm)
Lebih Besar	XL	> 1500	> 180
Besar	L	1201 – 1500	135 – 180
Sedang	M	901 – 1200	110 – 134
Kecil	S	600 – 900	< 110